



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2013

Sejarah Kesultanan Sulu

UM-9/3/2013

KESULTANAN Sulu di timur laut Nusantara dipercayai telah wujud sejak penghujung abad ke-14.

Kemunculan Kesultanan Sulu boleh dikatakan hampir serentak dengan kemunculan Kesultanan Melaka, Kesultanan Brunei di Borneo dan Kesultanan Aceh di barat laut Nusantara.

Walaupun tidak ada tarikh tepat bila kesultanan ini ditubuhkan dan siapakah tokoh sebenar yang menubuhkan Kesultanan Sulu, namun kerajaan Sulu telah wujud sejak era empayar Hindu Majapahit lagi dan ia kemudian berkembang sebagai sebuah kerajaan yang kuat di bawah Kesultanan Islam Sulu setelah Islam tersebar di Nusantara.

Beberapa laporan menyebut, Kesultanan Islam Sulu ditubuhkan pada 1458 oleh seorang ulama dari Johor yang dikenali sebagai Abu Bakar yang tiba di Bwansa dekat Jolo.

Ketibaan Abu Bakar disambut baik oleh

Rajah Baguinda Buansa dan Datu serta ketua-ketua di Jolo kerana Abu Bakar juga merupakan seorang yang berdarah raja.

Semasa berada di Sulu, Abu Bakar telah menyebarkan Islam di kalangan kaum Tausug dan menyatukan penduduk yang tinggal di pantai dan di bukit, yang sebelum itu bersebera.

Abu Bakar kemudian berkahwin dengan salah seorang puteri Rajah Baguinda, Paramisali.

Selepas Rajah Baguinda mangkat, Abu Bakar kemudian diangkat sebagai pemimpin Sulu dengan memakai gelaran Sharif ul-Hashim, dan menjadi Sultan Sulu pertama dengan menjadikan Sulu sebagai sebuah kerajaan Islam dan menggunakan hadis dan al-Quran sebagai undang-undang di bawah pemerintahannya.

Sejak itu, Kesultanan Sulu menjadi sebuah kerajaan Islam dan wilayah jajahannya meliputi Sulu, Borneo Utara termasuk Sabah, Palawan, Mindoro dan Basilan.

Kesemua Sultan Sulu dan Datu-datu di dalam wilayah Sulu selepas beliau kemudian mendakwa adalah waris atau keturunan kepada Abu Bakar.

Pemerintahan Abu Bakar bertahan selama 30 tahun dan selepas kemangkatannya, anaknya Kamal-ud-Din telah menggantikannya sebagai Sultan Sulu. Makam Abu Bakar masih lagi boleh dilawat di Gunung Tumatangis.

Ketokohan dan kehebatan Abu Bakar memimpin Kesultanan Sulu di bawah panji-panji Islam telah menukar bangsa Tausug sebagai pejuang Islam yang berani dan sanggup mati syahid bagi mempertahankan Islam dan bumi Sulu daripada penjajah ketika itu.

Oleh kerana itu, penjajah Sepanyol yang menjajah Filipina selama 333 tahun sejak kedatangan Ferdinand Magellan pada 16 Mac 1521 gagal menewaskan tentera Kerajaan Islam Kesultanan Sulu dalam peperangan yang berlarutan hampir tiga



abad dan Sepanyol hanya berjaya menawan Sulu pada hujung tempoh penjajahannya dengan menandatangani perjanjian dengan Kesultanan Sulu pada 1885.

Perjanjian itulah buat pertama kalinya menyaksikan terhapusnya Kesultanan Sulu apabila Sultan Sulu ketika itu Sultan Jamalul Kiram II bertindak menyerahkan wilayah,

kerajaan dan kedaulatannya kepada Sepanyol.

Malah Jamalul Kiram II jugalah yang bertindak menandatangani perjanjian dengan Amerika Syarikat di bawah Perjanjian Carpenter pada 1915 menyerahkan wilayah, kedaulatan, dan kekuasaan Sulu kepada Amerika Syarikat.

Sejak itu, Kesultanan Sulu ibarat sebuah institusi beraja tanpa negara, kerajaan, kedaulatan dan kekuasaan.

Perjalanan sejarah Kesultanan Sulu sejak ditubuhkan sehinggalah kejatuhannya, penuh dengan warna-warni seperti mana kerajaan-kerajaan monarki yang lain di dunia, penuh dengan hasad dengki, pembunuhan dan perebutan kuasa.

Walaupun Kesultanan Sulu kini hanya tinggal sebagai sebuah institusi beraja, isu perebutan takhta ke atas institusi kesultanan itu masih berterusan antara waris-warisnya sampai sekarang.



PERTABALAN Sultan Bantilan Muhammad Muizzuddin II Bin Datu Wasik Aranan Puyo di Jolo, pada 29 Oktober, 2009. Sultan Bantilan Muhammad Muizzuddin II Bin Datu Wasik Aranan Puyo diusung oleh rakyat mengelilingi Bandar Jolo semasa upacara pertabalan itu. - Agensi

Ramai mengaku Sultan Sulu

SEMASA penghujung era pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos pada 1986, terutama menjelang kejatuhannya, kerajaan Filipina tidak pernah lagi mengiktiraf Kesultanan Sulu sebagai satu institusi atau mengiktiraf mana-mana pihak sebagai Sultan Sulu.

Pada masa yang sama, sejak itu, tidak ada waris Kesultanan Sulu dan mereka yang menuntut takhta Kesultanan Sulu yang diterima secara rasmi dan sebulat suara oleh kaum Tausug serta keturunan Kesultanan Sulu sebagai Sultan Sulu yang sah, sehingga hari ini.

Jawatan Jamalul Kiram III sebagai Sultan Sulu juga tidak diiktiraf oleh pentadbiran baru Filipina di bawah kerajaan Presiden Benigno Aquino III.

Selain Jamalul Kiram III, terdapat beberapa waris Kesultanan Sulu yang mengaku sebagai Sultan Sulu, selain mereka yang menyamar sebagai Sultan Sulu.

Perkara ini bukan sahaja berlaku sekarang malah telah berlaku semasa penjajahan Amerika

Syarikat ke atas Filipina dan semasa penaklukan Jepun ke atas Filipina semasa Perang Dunia Kedua dengan mendapat sokongan negara penjajah terbabit bagi tujuan agenda mereka ketika itu.

Jika dilihat daripada senarai waris-waris yang menuntut takhta Sultan Sulu, waris keluarga Kiram paling ramai berebut-rebut mengangkat diri sendiri menjadi Sultan Sulu.

Walaupun Kesultanan Sulu tidak lagi wujud dan diiktiraf oleh mana-mana negara sebagai kerajaan yang berdaulat, ramai individu terus menuntut takhta sebagai Sultan Sulu dengan mengemukakan pelbagai dokumen bagi menyokong dakwaan dan tuntutan mereka

Antara mereka yang menuntut takhta Kesultanan Sulu dan mendakwa Sultan Sulu ialah:

Seorang kaum Tausug yang mendakwa cucu kepada Datu Aranan Puyo, cicit Sultan Bantilan Muizzuddin I (1748-1763) yang digelar oleh ahli sejarah dunia sebagai Defender of Islam.

Sempena nama moyangnya ini beliau dinamakan sebagai Sultan Bantilan Muhammad Muizzuddin II.

Setelah berjaya menghimpunkan puluhan ribu penyokongnya di Jolo, beliau diangkat menjadi Sultan Sulu pada 19 Mac 2009 oleh rakyatnya di Jolo dengan laungan takbir dan selawat.

Selain Sultan Bantilan Muhammad Muizzuddin II, Ismael Kiram II turut mendakwa sebagai Sultan Sulu.

Seorang lagi penuntut ialah Muedzul Lail Tan Kiram yang mendakwa sebagai Sultan Sulu ke-35.

Beliau mengemukakan Memorandum Order 427 of 1974, di mana bekas Presiden Ferdinand Marcos telah mengiktiraf bapanya, Sultan Mahakuttah A. Kiram, sebagai Sultan Sulu.

Seorang lagi penuntut ialah Datu Mohamad Akjan Datu Ali Muhammad, seorang peniaga dari Malaysia yang mendakwa sebagai Sultan Sulu ke-33 pada 2011.

Selain beliau ialah Datu Abdul Rajak Aliuddin dan Datuk Seri Putra Eddy T. Sulaiman.